



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN
NEGERI KEDAH TAHUN 2020**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI KEDAH**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah

menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

3. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Kedah Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. Manakala LKAN mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2019 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Disember 2020. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kedah pada 21 Mac 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Kedah Tahun 2020

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, dua perkara dibangkitkan dalam perenggan Hal-Hal Lain Sijil Ketua Audit Negara seperti berikut:

- a. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled items*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat; dan
- b. menambah baik kawalan bagi kelulusan terhadap pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Pembayaran bagi bil-bil selain daripada bil tahun sebelumnya dan bil tanpa peruntukan hendaklah dibayar di bawah AP 59. Bil-bil sepatutnya dibuat bayaran segera dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM357.08 juta, iaitu meningkat sebanyak RM36.60 juta atau 11.4% berbanding RM320.48 juta pada akhir tahun 2019.
- b. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM54.42 juta. Kutipan hasil pada tahun 2020 ialah berjumlah RM560.66 juta, iaitu menurun sebanyak RM217.60 juta atau 28% berbanding RM778.26 juta pada tahun 2019.
- c. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM16.27 juta atau 7%, iaitu daripada RM232.84 juta pada tahun 2019 kepada RM216.57 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM1.49 juta atau

1.8% iaitu daripada RM83.37 juta pada tahun 2019 kepada RM81.88 juta pada tahun 2020.

- d. Baki Hutang Awam pada tahun 2020 berjumlah RM2.662 bilion iaitu menurun sebanyak RM30.48 juta atau 1.1% berbanding RM2.693 bilion pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM92.02 juta atau 7.4% iaitu daripada RM1.244 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.336 billion pada tahun 2020.

4.1.3. Pengauditan Pematuhan

Pengauditan pematuhan jabatan negeri yang dilaksanakan melibatkan satu jabatan seperti berikut:

a. Pengurusan Hasil Cukai Tanah dan Tunggakan di Pejabat Tanah Kubang Pasu

Pengubahan kategori kegunaan tanah tanpa permohonan tukar syarat menyebabkan kehilangan hasil berjumlah RM112,696.30 setahun.

4.2. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah

4.2.1. Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri

- a. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Kedah iaitu Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri dan Pengurusan Kemudahan Sukan.

i. Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah, Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kedah dan Pejabat Daerah Dan Tanah

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pengurusan penyenggaraan jalan negeri oleh agensi dan syarikat konsesi adalah memuaskan. Perancangan untuk menyenggara jalan telah dapat dilaksanakan. Selain itu, berdasarkan maklum balas soal selidik, pengguna berpuas hati dengan keadaan jalan raya negeri, jalan pertanian dan jalan kampung yang digunakan. Bagaimanapun, pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan tidak diagih dan dibelanjakan secara optimum. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek perolehan dan pembayaran serta kelewatan syarikat konsesi menyiapkan kerja penyenggaraan.

ii. Pengurusan Kemudahan Sukan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Perbadanan Stadium Negeri Kedah

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan prestasi projek yang dilaksanakan kurang cekap kerana dua daripada tiga projek lewat disiapkan berbanding jadual asal yang ditetapkan. Penilaian tahap keberhasilan pula tidak dapat diukur namun *venue* sukan secara umumnya telah dimanfaatkan melalui penggunaan oleh persatuan sukan dan orang awam. Selain itu, terdapat kelemahan dalam aspek pengurusan kemudahan sukan seperti peratus perbelanjaan yang rendah berbanding peruntukan; proses perolehan bagi dua projek yang diaudit tidak teratur; pembaikan dan baik pulih *venue* sukan tidak dijalankan; serta pengurusan tunggakan hasil dan pemilikan tanah kurang cekap. Keadaan ini menyebabkan objektif aktiviti yang ditetapkan masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

4.2.2. Pengurusan Syarikat Kerajaan

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
 - b. Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 2 ini, pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di Darulaman Aset Sdn. Bhd. (DASB). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan DASB untuk menceburi bidang pengurusan aset dan hartanah telah tercapai. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat DASB kurang memuaskan kerana DASB tidak mengamalkan sepenuhnya enam daripada sembilan amalan tadbir urus korporat yang baik. Prestasi pengurusan bangunan serta aktiviti pembaikan dan penyenggaraan fasiliti bangunan bagi tahun 2017, 2018 dan 2019 adalah kurang cekap kerana prestasi pendapatan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Kedudukan kewangan DASB berada pada tahap kurang stabil kerana trend pendapatan utama menurun dan jumlah liabiliti melebihi jumlah aset bagi tempoh tahun 2017 hingga 2019.
- 4.3. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Sebanyak lapan syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2020 dan 17 syor dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.

5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah pada 21 Mac 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 21 Mac 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

21 Mac 2022

18 Syaaban 1443H